

Kilang minyak kelapa sawit sebabkan pencemaran didenda RM90,000

Meor Riduwan Meor Ahmad
am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Melaka: Sebuah kilang minyak kelapa sawit mentah didenda RM90,000 oleh Mahkamah Sesyen Ayer Keroh hari ini atas tiga kesalahan gagal mematuhi syarat lesen Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Melaka hingga berlaku pencemaran.

Pengarah JAS Melaka, Rosli Mustafa berkata, berdasarkan rayuan dikemukakan oleh syarikat itu selaku orang kena saman (OKS), mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM30,000 bagi setiap pertuduhan.

Menurutnya, wakil OKS yang hadir menjelaskan denda terbabit.

"Pertuduhan ke atas premis OKS adalah kegagalan untuk mematuhi syarat lesen No. 9, 10 dan 11 yang terkandung di dalam Lesen Bernombor 006087 yang dikeluarkan di bawah Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.